

Newspaper	Berita Harian
Date	29 July 2015

## Najib ucap takziah kematian Dr Kalam

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, semalam mengucapkan takziah kepada keluarga dan sahabat bekas Presiden India, Dr APJ Abdul Kalam yang meninggal dunia, kelmarin.

“Pemergiannya adalah satu kehilangan kepada masyarakat saintifik,” kata Najib menerusi catatan terbaharu dalam Twitter beliau.

Dr Kalam meninggal dunia pada usia 84 tahun selepas rebah ketika menyampaikan syarahan di Shillong, Meghalaya, India pada kira-kira 9 malam (11.25 malam waktu Malaysia).

Laporan awal oleh media

tempatan India menyatakan Dr Kalam mengalami serangan jantung.

**Rebah ketika beri syarahan**  
Bekas presiden itu rebah ketika menyampaikan syarahan di Indian Institute of Management di Shillong pada kira-kira jam 6.30 petang (9 malam waktu Malaysia) dan dibawa ke hospital dan disahkan meninggal dunia dua setengah jam kemudian.

Sebaik sahaja berita mengenai kematiannya diumumkan, kalangan ahli politik dan ahli akademik menzahirkan penghargaan terhadap jasanya te-

utama dalam bidang pendidikan teknologi nuklear dan sains.

Anak kelahiran Rameswaram, Tamil Nadu itu adalah presiden ke-11 India dari tahun 2002 hingga tahun 2007.

Dr Kalam juga dikenali sebagai ‘missile man of India’ dengan wawasan menjadikan India sebagai negara kuasa besar pada tahun 2020.

Beliau banyak menyumbang ke arah usaha pembangunan wanita dan kanak-kanak dengan menggalakkan pendidikan dan celik huruf dalam kalangan penduduk miskin tegar.

**BERNAMA**